



KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD

96, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03 – 2788 9500 Fax : 03 - 2282 7680

Emel : membersmail@ktnb.com.my Website : www.koptnb.com

Bil. Rujukan Tuan :

Bil. Rujukan Kami : KOPTNB/MAPT75/2026

13 April 2026

Kepada: **Semua Perwakilan Sesi 2026 Koperasi Tenaga Nasional Berhad**

PER : PENCALONAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) ke-75 akan diadakan pada 28 Jun 2026 di Holiday Villa Johor Bahru City Center, No. 260 Jalan Dato Sulaiman, Johor Bahru, 80250, Malaysia. Selaras dengan Undang-undang Kecil 33 (d), pemilihan anggota Lembaga akan diadakan semasa mesyuarat ini.

3. Perwakilan yang ingin bertanding sebagai calon Anggota Lembaga perlu mematuhi peruntukan yang terkandung dalam:

a) Undang-undang Kecil 36 dan Aturan-aturan Pemilihan Anggota Lembaga:

- i. telah menjadi anggota sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) bulan sebelum atau pada 31 Disember tahun 2025;
- ii. seorang anggota Lembaga seperti yang dinyatakan di Undang-undang Kecil 26 (10) atau seorang perwakilan yang telah dipilih semasa mesyuarat kawasan tahun 2026;
- iii. gaji pokok bulanan tidak kurang dari RM2,000 (ringgit dua ribu);
- iv. mempunyai pegangan modal syer sebanyak RM5,000 (ringgit lima ribu) sebelum atau pada 31 Disember tahun 2025;
- v. mempunyai yuran tidak kurang dari RM2,000 (ringgit dua ribu);
- vi. dipilih mengikut cara yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil;
- vii. mematuhi Undang-undang Kecil 36; dan
- viii. pencadang dan penyokong mestilah terdiri daripada perwakilan yang telah dipilih di Mesyuarat Agung Kawasan yang telah diadakan pada tahun 2026.

b) Seksyen 43 Akta Koperasi 1993 dan garis panduan (GP3) bagi pelantikan atau pelantikan semula Anggota Lembaga Koperasi dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

4. Perwakilan yang memenuhi kriteria di atas dan ingin bertanding sebagai calon Anggota Lembaga perlu melengkapkan borang-borang berikut:

- i. Borang Permohonan Pencalonan;
- ii. Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang);
- iii. Salinan Sijil Modul Wajib Pendidikan dan Latihan, jika ada;
- iv. Laporan Kredit Institusi Kewangan (CCRIS/SPeKAR/CTOS);
- v. Laporan Kredit Koperasi, jika berkenaan;
- vi. Carian Status Kebankrapan Individu Jabatan Insolvensi Malaysia; dan
- vii. 1 keping gambar berukuran passport.

5. Seterusnya, calon Anggota Lembaga perlu melepasi kriteria tambahan seperti di bawah sebelum layak menjadi calon Anggota Lembaga:

- i. lulus tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia melalui Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK);
- ii. disokong oleh Jawatankuasa Pencalonan Koperasi; dan
- iii. mendapat penentusahan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sama ada memenuhi kriteria layak dan sesuai seperti yang ditentukan oleh SKM.

6. Perwakilan yang berminat untuk **memohon sebagai calon Anggota Lembaga** hendaklah menghubungi **Koperasi TNB di talian 03-2788 9500** atau menghantar whatsapp "**ALK NAMA <jarak> NO. PEKERJA**" ke **019 349 1449 (Unit Pusat Panggilan Koperasi TNB)** untuk mendapatkan borang-borang yang berkenaan.

7. **Borang-borang asal, Laporan Kredit** dan dokumen di **perkara 4** hendaklah diisi dengan lengkap serta teratur. Borang Permohonan hendaklah diterima oleh Setiausaha Koperasi TNB **sebelum atau pada 24 Apr 2026 sebelum jam 12.00 tengahari**. Borang Permohonan dan dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat Koperasi TNB seperti di bawah:

**KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD
NO. 96, JALAN BANGSAR
59200 KUALA LUMPUR**

"Dengan Salam Koperasi"

Yang benar,
KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD



**Hasbullah bin Mamat
Setiausaha**